



# **PANDUAN PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN**

**PEREKA  
GRED B17**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**

# PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN PEREKA GRED B17

## ARAHAN KEPADA CALON

1. Pada hari peperiksaan calon perlu membawa:
  - a. Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan
  - b. Kad Pengenalan
  - c. Alat tulis; pensel 2B, pen, pembaris, pemadam dan peralatan lain yang difikirkan perlu
  - d. Cat poster atau air (cat yang boleh dicampur dengan air dan cepat kering). **Cat minyak dan 'pastel' tidak dibenarkan.**
  - e. Berus-berus Lukisan.
  - f. Bekas air dan pembancuh warna.
  - g. Peralatan lukisan lain yang difikirkan perlu.
2. Kertas Lukisan disediakan oleh Urus Setia Peperiksaan, SPA. Hanya kertas yang diedarkan oleh Ketua Pengawas sah digunakan.
3. Calon perlu mematuhi arahan Ketua Pengawas.
4. Calon mesti berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata.
5. Calon perlu berada di Pusat Peperiksaan **tiga puluh (30) minit** sebelum ujian bermula.
6. Calon dilarang berkomunikasi sesama sendiri. Angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
7. Calon hanya boleh meninggalkan Pusat Peperiksaan **tiga puluh (30) minit** selepas Peperiksaan dimulakan.
8. Rujukan kepada mana-mana bahan adalah **TIDAK** dibenarkan.
9. Pewarna, teknik dan bahantara yang pelbagai boleh digunakan **KECUALI** cat minyak dan 'pastel'. Pastikan hasil kerja cukup kering sebelum dihantar.

## PANDUAN UMUM KEPADA CALON

Peperiksaan ini mengandungi **satu** (1) bahagian iaitu :

BAHAGIAN I - LUKISAN

Bahagian ini mengandungi **dua** (2) seksyen.

- Seksyen A - Lukisan Objek
- Seksyen B - Lukisan Grafik

### **Seksyen A - Lukisan Objek**

Calon-calon akan diberi beberapa objek (2 atau lebih) yang akan disediakan oleh urus setia untuk dilukis. Calon-calon dikehendaki menggunakan pensil hitam sahaja untuk menyiapkan lukisan tersebut.

Penilaian adalah berdasarkan kepada :

- a) Kesesuaian dan Ketepatan
- b) Komposisi dan Kreativiti

**Media : Pensil hitam - 2B, 4B atau 6B dan Kertas Lukisan.**

Masa : 2 jam  
Bilangan Soalan : 1

### **Seksyen B - Lukisan Grafik**

Calon-calon akan diberi satu lukisan kasar dan dikendaki melukis semula mengikut saiz, lakaran dan warna yang telah ditentukan. Calon-calon digalakkan mengguna kreativiti sendiri untuk menjadikan lukisan tersebut lebih menarik tanpa mengubah idea asal.

Penilaian adalah berdasarkan kepada:

- a) Kesesuaian dan Ketepatan
- b) Komposisi dan Kreativiti
- c) Kemahiran

**Media: Bebas kecuali cat minyak dan Kertas Lukisan.**

Masa : 2 jam  
Bilangan Soalan : 1